

NASIONAL

Bekas kerani Sheila Majid dipenjara 4 tahun

KUALA LUMPUR - Bekas kerani syarikat produksi milik penyanyi Datuk Sheila Majid, dipenjara empat tahun oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur selepas didapati bersalah tuduhan pecah amanah membabitkan wang berjumlah RM90,000 lapan tahun lalu.

Hakim Zulqarnain Hassan menjatuhkan hukuman itu terhadap Nasimah Kamarudin, 39, selepas mendapati pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah di akhir kes pembelaan.

Berdasarkan pertuduhan, Nasimah yang diamanahkan dengan buku cek milik Syarikat Magada Entertainment Sdn Bhd, didakwa dengan curangnya menunaikan lima keping cek atas namanya dan men depositkan lapan keping cek ke dalam akaun bank miliknya.

Nasimah didakwa me-

lakukan perbuatan itu di Jalan Balau, Damansara Heights antara 1 November 2007 dan 28 Mac 2008.

Bagi perbuatan itu tertuduh didakwa mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 14 tahun dan sebatan serta denda jika sabit kesalahan.

Ibu tunggal dua anak itu menangis teresak-esak dalam kandang tertuduh sebaik mahkamah menjatuhkan hukuman.

Mahkamah yang memerintahkan hukuman berkuat kuasa semalam, bagaimanapun membenarkan permohonan peguam Ahmad Shamil Azad Abdul Hamid yang mewakili tertuduh untuk penangguhan pelaksanaan hukuman sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi.

Dalam rayuan peringanan hukuman, Ahmad Shamil memohon mahkamah meringankan hukuman atas alasan ini adalah kesalahan pertama tertuduh.

Sehubungan itu wang jaminan dinaikkan daripada RM10,000 kepada RM18,000.

Sementara itu dalam penghakimannya, Zulqarnain berkata jenayah kolar putih adalah jenayah serius dan sering berlaku dalam kalangan masyarakat.

"Mengikut fakta, terdapat bukti tertuduh dengan curang menggunakan wang syarikat untuk diri sendiri," katanya.

Bagaimanapun, Timbalan Pendakwa Raya Faridah Nurdin Bahrum memohon mahkamah memberikan hukuman setimpal bagi memberi pengajaran kepada tertuduh dan masyarakat.

Tujuh didakwa bunuh ejen hartanah

KUALA LUMPUR - Tujuh individu termasuk seorang wanita dihadapkan ke Mahkamah Majistret Kuala Lumpur semalam, atas tuduhan membunuh dan ber-subahat membunuh seorang ejen hartanah wanita di Taman OUG, di sini, 6 Julai lalu.

Tiada pengakuan direkodkan daripada M Ganapathy, 26; S Vijendran, 29; K Sri Kanapathy, 34; Chen Yuen Ming, 41; Chin Kok Leong, 43; dan Liew Lai Chen, 46 (wanita) di hadapan Majistret Siti Radziah Kamarudin.

Sementara itu tuduhan terhadap K Sattiyarad, 29, dibacakan di Hospital Kuala Lumpur, susulan lelaki itu sedang mendapatkan rawatan disebabkan denggi.

Mengikut pertuduhan, Ganapathy dan Vigendran didakwa membunuh Datin Wong Siew Ling, 32, di Jalan Hujan Emas 4, Overseas Union Garden (OUG) off Jalan Klang Lama, antara jam 2 petang hingga 2.30 petang, 6 Julai lalu.

Mereka didakwa mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan, dibaca bersama Seksyen 34 kanun yang sama membawa hukuman mati mandatori.

Sementara itu, K Sri Kanapathy, Chen Yuen Ming, Chin Kok Leong, K Sattiyarad, Liew Lai Chen didakwa ber-subahat membunuh wanita berkenaan di lokasi dan masa sama.

Bagi kesalahan tersebut, dakwaan dibuat mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang juga membawa hukuman mati.

Mahkamah menetapkan 4 Oktober depan untuk sebutan semula kes.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nor Diana Nor Azwa.

Dalam kejadian itu, wanita berusia 32 tahun itu maut di lokasi kejadian, manakala seorang anaknya cedera selepas kenderaan yang dinaiki mereka ditembak dalam kejadian kira-kira 2.30 petang.

Hampir putus asa hantar penyertaan

■ SARINAH MAT KASIM

SEREMBAN - Usaha menghantar borang Peraduan Rakyat 1Malaysia (PR1M), anjuran *Sinar Harian* sejak setahun lalu akhirnya membuahkan hasil apabila Noor Azimah Ahmad Baharom, 43, terpilih sebagai pemenang, sekali gus memenangi hadiah wang tunai RM1,000.

Noor Azimah berkata, dia dan suami, Abdul Wahid Hussin, 63, sebelum ini pernah berputus asa untuk menghantar peraduan kerana setelah mencuba sekian lama tetapi tidak pernah menang.

"Saya dan suami dah putus asa nak hantar borang peraduan PR1M, sebab dah lama mencuba tetapi tak pernah 'sangkut'. Hampir tiga bulan juga kami berhenti menghantar borang.

"Kebetulan pada September ini, anak perempuan saya akan melangsungkan perkahwinan, dan saya terpancang *Sinar Harian*, lalu mengisi borang peraduan.

"Dalam hati cakap, kalau menang dapatlah tambah sikit duit untuk perbelanjaan perkahwinan anak nanti," kata-



Noor Azimah dan suaminya menunjukkan hadiah RM1,000 yang dimenangkannya dalam PR1M Sinar Harian.

nya kepada *Sinar Harian*.

Jika sudah rezeki tidak ke mana dan tidak lama selepas itu, Noor Azimah menerima panggilan telefon dari ibu pejabat *Sinar Harian* Shah Alam memaklumkan namanya terpilih sebagai pemenang PR1M *Sinar Harian* siri 10 Julai 2016.

Katanya, dia tidak menyangka namanya terpilih

secepat itu, memandangkan sebelum ini mereka telah mencuba hampir setahun.

"Mungkin ini rezeki anak kerana semasa saya isi borang, saya memang dah niat untuk belanjakan wang tersebut untuknya.

"Terima kasih *Sinar Harian* kerana menganjurkan peraduan seperti ini dan diharap ia dapat diteruskan pada masa akan datang," katanya.

AKADEMI SAGA

**PUSAT
KECEMERLANGAN PENDIDIKAN
& LATIHAN AUTOMOTIF**

**SESI PENGAMBILAN
15 OGOS 2016**

Kursus-kursus yang ditawarkan :
Sijil Servis Automotif (Tahap 2) - TP 300-2:2013
Sijil Servis Automotif (Tahap 3) - TP 300-3:2013
Diploma Eksekutif Automotif (Tahap 4) - TP 300-4:2013

AKADEMI SAGA KOD PUSAT BERTAUJAH : 101044
 No. 2 & 4, Jalan Tukul 16/5, Seksyen 16,
 40200 Shah Alam, Selangor D.E, Malaysia
 Tel : 03-5518 5199/97 Faks : 03-5518 5192/93
www.akademisaga.edu.my
[akademisaga.hucsb](https://www.facebook.com/akademisaga.hucsb)

Diiktiraf oleh :

Bantuan
Pembinaan
&
Pinjaman
Disediakan

*TERTAKLUK KEPADA TERMA
DAN SYARAT